



**TANGKAP** layar video kejadian seorang penjaja wanita menyerang dan menggigit lengan seorang anggota penguat kuasa DBKL baru-baru ini.

# Didenda RM3,000 gigit penguat kuasa DBKL

- **Peniaga wanita mengaku bersalah di mahkamah**
- **Gigitan tinggal kesan agak dalam dan berdarah**

Oleh **HARRITH HISHAM**

**KUALA LUMPUR** – Seorang wanita yang ditahan kerana menyerang dan menggigit lengan pegawai penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) baru-baru ini, dikenakan hukuman denda sebanyak RM3,000.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Sulizmie Affendy Sulaiman berkata, hukuman itu dijatuhkan mahkamah

selepas wanita berusia 30 tahun itu membuat pengakuan bersalah di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan.

“Satu lagi tangkapan memabitkan tiga lelaki berusia 15 hingga 39 tahun akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR),” katanya dalam kenyataan semalam.

Media sebelum ini melaporkan, empat penjaja termasuk seorang wanita ditahan polis selepas disyaki terlibat dalam kes serangan secara berasingan ke atas pegawai penguat kuasa DBKL, Rabu lalu.

Kejadian pertama kira-kira pukul 11.30 pagi di Jalan Benteng berlaku ketika pegawai DBKL mengalihkan *food truck* yang

menghalang lorong sebelum diserang dan digigit sehingga cedera.

Penjaja wanita itu dikatakan bertindak agresif selepas berang gerainya disita. Dia sebelum itu gagal menunjukkan lesen perniagaan apabila diminta anggota penguat kuasa berkenaan ketika menjalankan operasi di sekitar ibu negara.

Gigitan itu meninggalkan kesan yang agak dalam pada bahagian lengan dan berdarah.

Dalam kejadian kedua sekitar pukul 10.08 malam, polis menerima satu lagi laporan daripada pegawai penguat kuasa DBKL yang didakwa dirempuh secara kasar ketika melakukan penyuraian di Masjid India.